



SMK BUKIT BATU, KULAI, JOHOR  
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2021  
MATEMATIK  
TINGKATAN 1

MASA MENJAWAB: 1 JAM 15 MINIT

BAHAGIAN A

**Arahan:**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan taipkan pada ruangan yang disediakan pada kertas jawapan digital objektif anda.

1. Antara yang berikut, pilih pengiraan yang betul bagi

$$5(-3 + 10) \times 2.4 \div \frac{3}{4}$$

- A.  $5(-7) \times 3.2$
- B.  $35 \times 2.4 \times \frac{4}{3}$
- C.  $35 \times 2.3 \times \frac{3}{4}$
- D.  $-35 \times 3.2$

2. Antara berikut, yang manakah bukan nombor nisbah?

- A.  $-200$
- B.  $7.309$
- C.  $6.209876530\dots$
- D.  $\frac{1}{2}$

3. Nilaikan  $3.5 - (-6.5) \times 0.2$

- A.  $4.8$
- B.  $2.0$
- C.  $8.4$
- D.  $0.2$

4. Wang simpanan Intan ialah RM120. Dia menderma  $\frac{3}{8}$  daripada wang simpanannya kepada mangsa tanah runtuh. Kemudian dia membeli sepasang baju sekolah yang berharga RM25.60. Hitung baki wang yang Intan masih ada.
- A. RM94.90
  - B. RM29.40
  - C. RM49.40
  - D. RM24.90
5. Faktor sepunya bagi 20, 44, 56 dan 64 ialah
- A. 1,2 dan 3
  - B. 1,2 dan 4
  - C. 1,3 dan 4
  - D. 1, 3 dan 5
6. Faktor Sepunya Terbesar (FSTB) bagi 18 dan 24 ialah
- A. 2
  - B. 4
  - C. 6
  - D. 10
7. Lima gandaan sepunya pertama bagi 2,3 dan 4 ialah
- A. 6, 12, 18, 24 dan 30
  - B. 8, 16, 24, 32 dan 40
  - C. 12, 24, 36, 48 dan 60
  - D. 10, 20, 30, 40 dan 50
8. Gandaan Sepunya Terkecil (GSTK) bagi 3, 8 dan 12 ialah
- A. 24
  - B. 42
  - C. 38
  - D. 28
9. Satu nombor boleh dibahagi tepat dengan 12 dan 30. Apakah nilai terkecil bagi nombor itu?
- A. 20
  - B. 40
  - C. 50
  - D. 60

10. Antara berikut, yang manakah kuasa dua sempurna?

- A. 64
- B. 35
- C. 86
- D. 101

11. Hitung nilai bagi  $(\sqrt{16} - 6)^2 \times \sqrt[3]{-\frac{54}{128}}$

- A. 3
- B. -3
- C. 13
- D. 30

12. Antara berikut, yang manakah benar?

A	$202^3$	8 224 408
B	$\sqrt[3]{34.8}$	3.265
C	$14.78^2$	218.8890
D	$\sqrt{0.512}$	0.7175

13. Selesaikan persamaan linear serentak:

$$y = 3x + 1 \text{ dan } x + 2y = 16$$


- A.  $x = 7, y = 2$
- B.  $x = 3, y = 7$
- C.  $x = 3, y = 5$
- D.  $x = 7, y = 5$

14. Antara berikut, manakah nisbah yang setara dengan 27:45?

- A.  $\frac{1}{2} : \frac{5}{6}$
- B. 56:80
- C. 5:3
- D. 3:5

15. Terdapat 40 penumpang di dalam sebuah bas. 12 daripadanya berbangsa Melayu. Berapakah peratusan penumpang bukan berbangsa Melayu di dalam bas itu?
- A. 70%
  - B. 30%
  - C. 40%
  - D. 60%
16. 4 buah bakul mengandungi 104 biji oren. Hitungkan jumlah bilangan oren yang terdapat pada 12 buah bakul.
- A. 213 biji oren
  - B. 123 biji oren
  - C. 312 biji oren
  - D. 321biji oren
17. Cari nilai  $x$  pada persamaan  $3(x + 2) = 5x$ .
- A. 3
  - B. 6
  - C. 12
  - D. 15
18. Cari nilai  $y$  apabila nilai  $x = 5$  di dalam persamaan  $x - y = 10$ .
- A. -1
  - B. -10
  - C. -5
  - D. -15

19. Rajah 1 menunjukkan masa yang diambil oleh tiga jenis kenderaan iaitu kereta, van dan lori menuju ke lokasi yang sama berjarak 325km.



Tentukan kenderaan yang manakah mematuhi had laju 110km/j di lebuh raya.

- A. Kereta dan van
  - B. Van dan lori
  - C. Lori dan kereta
  - D. Kereta dan lori
20. Jika  $y:168 = 17:14$ , apakah nilai  $y$ ?

- A. 402
- B. 206
- C. 204
- D. 108

[20 markah]

## BAHAGIAN B

21. Dalam jadual yang berikut, tandakan '✓' bagi sebutan serupa.

$-4m$ dan $\frac{3}{5}m$	$2v$ dan $3w$	$\frac{pq}{2}$ dan $6.9pq$	$3l^2$ dan $-l^2$	$9ab$ dan $-9ba$	$8x^2$ dan $4x$	$2ab^2c$ dan $-cab^2$

[5 markah]

22. Padankan persamaan yang berikut dengan nilai  $x$  yang sesuai:

$$x - 9 = 3$$

$$4x + 1 = 5$$

$$\frac{x + 6}{2} = 10$$

$$2(x + 4) = 12$$

$$\frac{1}{3}x - 3 = x + 1$$

$$x = 1$$

$$x = -6$$

$$x = 12$$

$$x = 2$$



$$x = 14$$

[5 markah]

23. Perhatikan ayat matematik dalam rajah di bawah.

$7h + 2$	$2x - 9$	$\frac{a}{2} - 9 = 0$	$x - 2x$	$3d + 1 = 2d$
$x + 3 = 9$	$5a^3 - 2$	$-7m + 1 = 2m$	$\frac{1}{2}c + 8 = 12$	$3h - 7k$

Kelaskan ayat matematik itu kepada ungkapan dan persamaan. Tarik dan letak dalam kotak di bawah.



(10 markah)

24. Tuliskan Faktor Sepunya Terbesar (FSTB) bagi setiap senarai nombor yang berikut:

Soalan	Jawapan
24, 48	
36, 90, 108	
140, 256, 348	
27, 45, 60	
30, 72	

25. Tuliskan Gandaan Sepunya Terkecil (GSTK) bagi setiap senarai nombor yang berikut:

Soalan	Jawapan
16, 18	
10, 15	
6, 8	
6, 15, 18	
9, 12, 21	

(10 markah)

### KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh:



(PUAN FATIN NURAJWA BINTI MOHD)